

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 28, 2019 3:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ASEAN Community Engagement Programme (ACEP) Dekatkan Generasi Muda Dengan Masyarakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 OGOS 2019 / 27 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zarith Sofea Zaharin

ASEAN COMMUNITY ENGAGEMENT PROGRAMME (ACEP) DEKATKAN GENERASI MUDA DENGAN MASYARAKAT



UUM ONLINE: Bagi mendekatkan generasi muda dari negara ASEAN dengan masyarakat, seramai 200 peserta ASEAN University Youth Summit (AUYS 2019) telah mengikuti program ASEAN Community Engagement Programme (ACEP) di Kampung Kodiang, baru-baru ini.

Peserta, Noraini Abdul Rahman berkata, program kemasyarakatan itu membantu peserta membentuk sifat tanggungjawab, prihatin dan sahsiah diri.

Menurutnya, dia gembira apabila dapat menyertai program tersebut bersama peserta dari pelbagai negara dengan membersihkan kawasan sekitar Kampung Kodiang.

Katanya, dia berharap akan dapat berpeluang untuk meneruskan khidmat bakti kepada masyarakat pada masa hadapan.

Sementara itu, peserta dari Filipina, Prince Ricky A.Verona berkata: "Program ini memberi inspirasi kepada pelajar untuk sentiasa bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat dan mengeratkan hubungan antara masyarakat.

"ACEP ini secara tidak langsung juga memberi nilai tambah kepada saya dan peserta lain dalam berkomunikasi dengan masyarakat setempat," katanya.

Dalam program itu, pelajar bersama 100 penduduk kampung terlibat dalam gotong-royong membersihkan sungai di Kmapung Kodiang yang mana ia turut disertai agensi kerajaan dan swasta termasuk Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SwCorp), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Lembaga Kemajuan Muda Kedah (MADA).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Dr. Salmee Said berkata, generasi muda kini perlu diterapkan nilai sukarelawan dalam diri bagi melahirkan sikap tanggungjawab kepada masyarakat dan alam sekitar.

Katanya, program sebegini mampu melahirkan rasa tanggungjawab dalam urusan penjagaan alam sekitar dan sungai yang menjadi tanggungjawab bersama terutama masyarakat setempat dan diharapkan program komuniti seperti ini dapat dijadikan sebagai aktiviti tahunan.

Lebih 200 peserta dari sembilan buah negara termasuk Vietnam, Myanmar, Thailand, Kemboja, Filipina, Brunei, Indonesia, Taiwan dan Malaysia akan menyertai AUYS 2019 yang bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosi Komuniti ASEAN dalam kerjasama serantau dalam memartabatkan golongan belia di universiti.

AUYS 2019 terbahagi kepada tiga program utama iaitu Roundtable Discussion (RTD), ASEAN Community Engagement Programme (ACEP) dan ASEAN Cultural Festival (ACF).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.